

SE.JA.JAR: Satu Inisiatif Kelestarian di Bandar Universiti Pagoh, Muar
(*SE.JA.JAR: A Sustainability Initiative at the Bandar Universiti Pagoh, Muar*)

MOHAMAD SUHAIZI SUHAIMI

ABSTRAK

SE.JA.JAR merupakan akronim bagi perkataan Semai, Jaga dan Jaringan yang mengetengahkan usaha komuniti warga Mahallah Zaid bin Harithah melestarikan alam di Bandar Universiti Pagoh, Muar, Johor. Komuniti dibahagikan kepada tiga kumpulan iaitu 'Semai' yang bertindak menanam sayur-sayuran untuk dijual, 'Jaga' pula mengutip sampah yang boleh dikitar semula di sekitar Bandar Universiti Pagoh dan yang terakhir iaitu 'Jaringan' yang bertindak menjalinkan hubungan kerjasama dengan persatuan atau pertubuhan sekitar Muar bagi merealisasikan projek SE.JA.JAR ini. Projek ini dijalankan berikutan terdapat isu pembuangan sampah yang sangat kritikal di sekitar kolej kediaman Bandar Universiti Pagoh dan ruang terbiar di Mahallah Zaid bin Harithah yang berpotensi untuk dibangunkan menjadi laman fertigasi sayur-sayuran. Hal tersebut sejajar dengan Matlamat Pembangunan Mampan atau Sustainable Development Goal (SDGs) seperti SDG 3 iaitu Kesihatan Baik dan Kesejahteraan serta SDG 11 iaitu Bandar dan Masyarakat Mampan. Selain itu, program Usrah in Action yang diketengahkan oleh Sejahtera Centre for Sustainability and Humanity, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia telah menjadi platform bagi SE.JA.JAR untuk dibawa ke peringkat seterusnya. Justeru, projek SE.JA.JAR berpotensi besar untuk diteruskan lagi di lokasi yang lain bagi menjamin kelestarian setempat mahupun sejagat.

Kata kunci: Kelestarian, Bandar Universiti Pagoh, Matlamat Pembangunan Mampan.

ABSTRACT

SE.JA.JAR is an acronym for the words Semai, Jaga, and Jaringan, highlighting the efforts of the Mahallah Zaid bin Harithah community to sustain the environment in Bandar Universiti Pagoh, Muar, Johor. The community is divided into three groups: 'Semai,' which is responsible for planting vegetables for sale; 'Jaga,' which collects recyclable waste around Bandar Universiti Pagoh; and 'Jaringan,' which establishes cooperative relationships with associations or organizations around Muar to realize the SE.JA.JAR project. This project was initiated due to the critical waste disposal issues around the Bandar Universiti Pagoh residential college and the potential of the unused space in Mahallah Zaid bin Harithah to be developed into a vegetable fertigation site. This aligns with the Sustainable Development Goals (SDGs), such as SDG 3 (Good Health and Well-being) and SDG 11 (Sustainable Cities and Communities). Additionally, the Usrah in Action program, promoted by the Sejahtera Centre for Sustainability and Humanity, International Islamic University Malaysia, has served as a platform for advancing SE.JA.JAR to the next level. Therefore, the SE.JA.JAR project has great potential to be continued in other locations to ensure local and global sustainability.

Keyword: Sustainable, Bandar Universiti Pagoh, Sustainable Development Goals.

PENDAHULUAN

Kelestarian alam merupakan kunci kepada kesejahteraan dan kelangsungan hidup manusia mahupun organisma yang wujud di muka bumi ini. Oleh itu, kelestarian alam ini selari dengan Matlamat Pembangunan Mampan atau *Sustainable Development Goals* (SDGs) yang merangkumi konsep jangka panjang dengan mengintegrasikan isu ekonomi, sosial dan alam sekitar. Menurut Wan Fariza Alyati Wan Zakaria, Ahmad Sunawari Long & Zul'Azmi Yaakob (2024), sumber alam yang ada perlu diwariskan untuk dinikmati oleh generasi akan datang dan meneruskan kehidupan yang sejahtera yang merangkumi aspek persekitaran, masa hadapan dan kesaksamaan.

Matlamat Pembangunan Mampan atau SDGs merupakan rangkuman unsur sosial, ekonomi dan alam sekitar. Selain itu, SDGs merupakan teras agenda pada tahun 2030 bagi pembangunan mampan yang dipersetujui oleh Ketua-ketua Negara dan masyarakat antarabangsa pada 25 September 2015 di Persidangan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (*Economic Planning Unit*, 2017). SDGs merupakan kesinambungan agenda pembangunan yang diteruskan selepas berakhirnya *Millennium Development Goals*

(MDGs) pada tahun 2015. MDGs mempunyai lapan matlamat dan 21 sasaran. Manakala SDGs diperluaskan kepada 17 matlamat dan 169 sasaran dengan matlamat bagi meneruskan agenda 2030 mencapai keseimbangan dalam tiga dimensi pembangunan mampan iaitu merangkumi sosial, ekonomi dan alam sekitar. Oleh itu, pelaksanaan SDGs bertujuan untuk menjamin generasi masa hadapan agar mereka mampu untuk memperoleh semua keperluan asas yang diperlukan.

Oleh yang demikian, sejajar dengan hasrat SDGs tersebut, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) mengambil inisiatif meneroka sebuah unit yang dikenali sebagai sebuah unit yang dikenali sebagai *Sejahtera Centre for Sustainability and*

Humanity. Pusat ini menjadi pemangkin kepada para pelajar UIAM untuk menyumbang tenaga dan usaha terhadap masyarakat yang memerlukan di sekitar pusat pengajian tersebut. Justeru, subjek yang dikenali sebagai *Usrah in Action* telah diperkenalkan bagi menyokong hasrat murni ini. Melalui subjek ini, projek yang dikenali sebagai SE.JA.JAR telah memberi sumbangan yang sangat signifikan terhadap komuniti di Bandar Universiti Pagoh dari sudut kebersihan dan kesejahteraan masyarakat setempat.



GAMBAR 1. Logo SE.JA.JAR

SE.JA.JAR adalah sebuah program yang memberi tumpuan kepada tumbuh-tumbuhan, penjagaan alam sekitar, serta menjalinkan kerjasama dengan pelbagai pihak. Pelajar dibahagikan kepada tiga kumpulan iaitu mereka yang menjaga tanaman sayur-sayuran, mereka yang mengumpul sisa kitar semula, dan mereka yang merangka kerjasama dengan persatuan atau organisasi yang berkaitan. Matlamat program ini adalah untuk memberikan bantuan kewangan kepada pelajar di Bandar Universiti Pagoh iaitu UIAM, Universiti Tun Hussein Onn (UTHM), dan Politeknik Tun Syed Nasir Syed Ismail (PTSN) melalui hasil pendapatan dari program ini. Selain itu, program ini juga bertujuan untuk mempromosikan kelestarian alam sekitar dengan menanam tanaman sayur-sayuran serta menggalakkan kitar semula dan

pengurusan sisa. Untuk memastikan kejayaan program ini, beberapa rakan kerjasama telah diwujudkan bagi merealisasikan objektif tersebut. Kerjasama dengan UTHM, PTSN, FAMA, dan SWM Environment Sdn. Bhd. telah dijalinkan untuk menyediakan kepakaran, sumber, dan bimbingan. Kerjasama ini bertujuan untuk memastikan penanaman tanaman sayur-sayuran yang berkesan, pengumpulan dan pemprosesan sisa kitar semula yang efektif, serta penglibatan yang bermakna bersama komuniti setempat.

PERNYATAAN MASALAH

Pembangunan tanah menjadi sumber ekonomi kepada sesetengah penduduk berikutan mampu

mendatangkan hasil yang lumayan sekiranya bijak dalam pengendaliannya. Namun begitu, kerugian dari sudut ruang dan hasil pendapatan berlaku disebabkan pembiaran tanah yang agak ketara oleh sesetengah komuniti. Hal ini diperkuat dengan perangkaan yang dijalankan oleh Jabatan Pertanian Malaysia (2019) iaitu sebanyak 46,382 lot tanah pertanian bersamaan 103,563 hektar tanah pertanian terbiar di Semenanjung Malaysia termasuk di Wilayah Persekutuan Labuan telah direkodkan oleh Jabatan Pertanian pada tahun 2019. Sekiranya hal ini berterusan, pemilik tanah berpotensi mengalami kerugian serta menjejaskan pengeluaran dan pendapatan negara.

Selain itu, isu pembuangan sisa pepejal yang tidak terurus juga menjadi perkara yang tidak berkesudahan apabila kesedaran masyarakat Malaysia terhadap hal tersebut masih berada pada tahap yang rendah. Pengurusan sisa pepejal bukan sahaja menjadi masalah di Malaysia dan negara membangun sahaja bahkan perkara ini juga menjadi masalah di negara-negara maju (Zuroni Md Jusoh et al., 2018). Oleh itu, pengurusan sampah yang tepat juga termasuk dalam usaha yang murni ke arah kebersihan dan kelestarian alam sekitar. Hal ini diperkuat dengan kenyataan iaitu penjagaan kebersihan yang baik serta amalan dari segi kebersihan diri menyumbang sebahagian besarnya kepada faktor yang berkaitan dengan amalan literasi kesihatan dalam menjalani kehidupan sihat dan pencegahan bahaya dari penyakit (Anuar Abu Hassan dan Hapsah Md Yusof, 2023). Sekiranya kebersihan tidak diamalkan terutamanya di kawasan kediaman, keselesaan dan kualiti amat sukar dicapai sekaligus motivasi untuk mencapai kecemerlangan dalam kalangan penghuni juga turut terganggu. Tambahan pula, dalam memberikan perkhidmatan kolej kediaman yang terbaik, aspek penting yang perlu diteliti ialah keselesaan penghuni (Mohd Reduan

Buyung dan Haryati Syafii, 2017).

PERBINCANGAN HASIL PROJEK

Projek SE.JA.JAR ini melibatkan dua SDGs iaitu SDG 3 Kesihatan Baik dan Kesejahteraan serta SDG 11 Bandar dan Masyarakat Mampan. Justeru, para pelajar dibahagikan kepada tiga kumpulan untuk mendukung hasrat kelestarian alam ini. Pasukan Semai, Jaga dan Jaringan ditugaskan dengan pembahagian tugas masing-masing. Berikut merupakan perincian projek-projek yang telah dijalankan oleh para pelajar.

Semai

Aktiviti menanam bukan sahaja penting sebagai aktiviti mengeluarkan peluh, malah bertindak menangani perubahan iklim dan memastikan pelepasan gas rumah kaca yang rendah. Hal tersebut diperkuat lagi dengan kenyataan Norsheilla Mohd Johan Chuah et al (2021) iaitu pokok berperanan sebagai pemindahan CO₂ dalam jumlah yang besar antara atmosfera dengan ekosistem daratan terutamanya melalui fotosintesis dan respirasi menerusi kitaran karbon. Melalui pasukan Semai, para pelajar kolej kediaman menjadikan tanah yang terbiar dan bersemak di Mahallah Zaid bin Harithah, Pagoh sebagai kawasan bercucuk tanam sayur-sayuran di samping menjana pendapatan buat warga di situ. Para pelajar telah menanam pokok kacang botor, terung dan timun. Melalui penanaman tersebut, tanah yang terbiar dapat diperindah dan memberi manfaat berguna kepada penduduk di kolej kediaman tersebut.

Tambahan pula, tanah mempunyai pengaruh yang signifikan dalam membentuk kehidupan, pekerjaan dan taraf hidup manusia (Nor Malina Malek dan Mohd Zulkifli Ani, 2018).



GAMBAR 2. Tanah terbiar di Mahallah Zaid bin Harithah



GAMBAR 3. Tanaman sayur yang terhasil

Melalui jualan sayur-sayuran tersebut, sebanyak RM290 berjaya diperoleh dan disumbangkan kepada para pelajar yang tergolong dalam kategori B40. Sumbangan tersebut dilihat mampu mengurangkan bebanan perbelanjaan harian mereka terutamanya bagi keperluan makanan.

Jaga

Bagi pasukan Jaga pula, mereka berperanan untuk mengutip sampah di sekitar kolej kediaman di Bandar Universiti Pagoh. Pembuangan sampah merata-rata begitu ketara berlaku disebabkan tahap kesedaran yang rendah terhadap penjagaan alam sekitar dalam kalangan warga kolej kediaman. Kesedaran yang tinggi terhadap kebersihan diri dan alam sekitar mampu menjamin kesejahteraan hidup seseorang terutamanya pelajar yang menginap di kolej kediaman. Hal ini diperkuat

dengan kenyataan Arwansyah Kirin et al. (2023), kebersihan sekeliling dapat meningkatkan produktiviti dalam pembelajaran dan sekiranya para pelajar peka dengan kebersihan diri dan persekitaran, kesihatan dalaman dan luaran juga turut terjamin.

Aktiviti mengutip sampah di sekitar kolej kediaman telah berjaya mengumpul barangan yang boleh dikitar semula seperti botol plastik, kertas dan sebagainya. Isi rantai kunci atau *keychain* dilakukan dengan menghancurkan kepingan botol plastik tersebut di dalam mesin gula-gula kapas. Kepingan-kepingan tersebut akhirnya menjadi seakan kapas lalu dimasukkan ke dalam kain perca. Setelah kain perca tersebut menjadi tebal, jahitan di keliling kain pula dilakukan dan menghasilkan rantai kunci yang dijual dengan harga RM2 sebuah. Berikut merupakan carta alir bagi menghasilkan rantai kunci tersebut.



GAMBAR 4. Carta alir penghasilan rantai kunci

Amalan kitar semula seperti ini dapat membantu dan menyokong usaha negara dalam mewujudkan kehidupan yang lebih sejahtera. Menurut Nor Fazilah Abdul Hamid et al. (2021), penghasilan sisa pepejal terutamanya sisa domestik sepatutnya perlu dikurangkan untuk mengelakkan peningkatan pemanasan global di samping dapat mengurangkan beban yang harus ditanggung oleh kerajaan setiap tahun bagi kos penyelenggaraan seperti kerja-kerja pengutipan, pengumpulan dan pengangkutan sampah sehingga ke tapak pelupusan sampah. Justeru, penghasilan rantai kunci ini dilihat memberi impak yang tinggi terhadap alam sekitar di samping penjaan ekonomi turut terlibat secara tidak langsung.

Jaringan

Menjalinkan hubungan kerjasama dengan seseorang

atau sesebuah organisasi atau lebih terbukti mampu melancarkan perjalanan inisiatif yang sedang diusahakan. Griffin (2017) mendefinisikan hubungan kerjasama sebagai pertukaran dan perkongsian usaha, pengetahuan dan sumber untuk mencapai sesuatu yang tidak dapat dilakukan bersendirian. Justeru, hubungan kerjasama atau jaringan ini memainkan peranan yang signifikan dalam mencapai objektif SE.JA.JAR ini.

Para pelajar telah mengadakan jaringan kerjasama dengan Hal Ehwal Pelajar di UTHM dan PTSN untuk mendapatkan maklumat para pelajar yang tergolong dalam kategori B40. Selain itu, kerjasama dengan FAMA Pagoh juga terjalin bagi mendapatkan khidmat nasihat akan kaedah menanam dan menyemai sayur-syuran yang tepat. Selain itu, kerjasama dijalin dengan SWM Environment Sdn. Bhd. bagi kutipan barang-barang kitar semula yang dikumpul dari warga kolej kediaman di Bandar Universiti Pagoh ini.



GAMBAR 5. Proses kutipan barang kitar semula

Hasil daripada pungutan barang-barang kitar semula tersebut, SE.JA.JAR berjaya memperoleh RM51.20 dengan pengumpulan selama dua bulan sahaja. Walaupun jumlahnya tidaklah begitu besar, namun kami percaya sekiranya usaha tersebut dijalankan secara konsisten, perubahan yang lebih berimpak tinggi akan dapat dilihat kelak. Tambahan pula, kira-kira 290 kg pelepasan karbon dioksida berjaya terhasil daripada 116 kg barang yang dikitar semula dan hal tersebut membantu dari segi kelestarian alam sekitar serta kesejahteraan warga sekitar.

KESIMPULAN

Melalui projek SE.JA.JAR ini, kami telah berjaya memperoleh tiga pengiktirafan iaitu *Silver Award*, *Most Integrated Award* dan *Most Collaborative Award* melalui University in Action Symposium anjuran UIAM sendiri. Pengiktirafan tersebut telah membuktikan bahawa projek ini telah memberi impak yang positif kepada warga bandar Universiti Pagoh dari segi kelestarian dan kesejahteraan warganya.

Program yang sejajar dengan SDG ini bukan sahaja mengenai aktiviti fizikal tetapi juga memberi nilai tambah kepada masyarakat. Selain itu, program ini membina semangat kerjasama, kesedaran alam sekitar, dan nilai keusahawanan dalam kalangan pelajar serta warga setempat. Dengan ini, kami berharap agar dapat terus menyumbang kepada kemajuan masyarakat dan persekitaran bukan sahaja di Bandar Universiti Pagoh malah ke peringkat yang lebih tinggi lagi pada masa hadapan.

RUJUKAN

- Anuar Abu Hassan & Hapsah Md Yusof. (2023). Kajian *Systematic Literature Review* (SLR) kebersihan diri kalangan pelajar sekolah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 5(2), 93-99.
- Arwansyah Kirin et al. (2023). Tahap kesedaran pelajar terhadap kebersihan persekitaran kolej dan kampus di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). *Jurnal Personalia Pelajar*, 26(1), 53-64.
- Economic Planning Unit, (2017). *Malaysia Sustainable Development Goals Voluntary National Review*, Putrajaya: Malaysia.
- Griffin, P. (2017). *Assessing and Teaching 21st Century Skills: Collaborative Problem Solving as a Case Study*. In A. Davier, A. Zhu, P.C Kyllonen, Innovative assesement of collaboration: Springer.
- Jabatan Pertanian Malaysia. (2019). Maklumat Tanah Terbiar. Diperolehi daripada Jabatan Pertanian Malaysia <http://www.doa.gov.my/index.php/pages/view/411?mid=232>.
- Mohd Reduan Buyung & Haryati Syafii. (2017). Penyediaan kemudahan di Kolej Kediaman Tun Fatimah, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. *Jurnal Perspektif*, 9(5), 51-65.
- Nor Fazilah Abdul Hamid et al. (2021). Faktor-faktor kontekstual yang mempengaruhi amalan kitar semula penjawat awam negeri Melaka. *Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*, 22, 86-103.
- Nor Malina Malek & Mohd Zulkifli Ani. (2018). Faktor penyebab peningkatan tanah pertanian terbiar di negeri Kedah Darul Aman. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 9(1), 1-12.

- Norsheilla Mohd Johan Chuah et al. (2021, September). Menanam pokok tangani pemanasan global. *Majalah Dewan Kosmik*, 9, 16-19.
- Wan Fariza Alyati Wan Zakaria, Ahmad Sunawari Long & Zul'Azmi Yaakob. (2024). Matlamat Pembangunan Mampan (SDGS) dalam Kerangka Malaysia Madani dan Prinsip Maqasid. *International Journal of Islamic Thought*, 25, 160-176.
- Zuroni Md Jusoh et al. (2018). Pola pembuangan sisa pepejal isi rumah di Malaysia. *Jurnal Pengguna Malaysia*, 31, 27-40.

Mohamad Suhaizi Suhaimi*

Kulliyyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari,
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia,
KM 1, Jalan Panchor,
84600, Pagoh, Muar, Johor Darul Takzim, Malaysia.

*Pengarang untuk surat menyurat; e-mel: msuhaizi@iiium.edu.my